

Kementerian Sumber Manusia

FAQs: 8-6-2021

Total Lockdown from
1.6.2021 – 14.6.2021



FAQs: 8-6-2021



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI PEKERJAAN SEMASA PERINTAH PENUTUPAN PENUH
SEKTOR SOSIAL DAN EKONOMI (TOTAL LOCKDOWN)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

FAQ ini adalah terpakai kepada semua pekerja dan majikan sektor swasta semasa Perintah Penutupan Penuh Sektor Sosial dan Ekonomi (*Total Lockdown*) Fasa Pertama bagi tempoh **1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021**, atau mana-mana tempoh lanjutan yang berkaitan.

1. Apakah tindakan yang perlu majikan lakukan?

Majikan yang dibenarkan beroperasi oleh agensi yang berkaitan perlu memastikan perkara berikut dilakukan:

- i. mengatur kehadiran pekerja ke tempat kerja tidak melebihi kapasiti maksimum yang ditetapkan;
- ii. memastikan pergerakan terhad pekerja terbabit;
- iii. memastikan pekerja merakam log kehadiran harian melalui aplikasi *Mysejahtera*, menyediakan alat saringan suhu badan dan mengambil bacaan suhu badan pekerja pada setiap hari;
- iv. menyediakan *hand sanitizer*;
- v. melaksanakan proses sanitasi dan pembersihan perlu;
- vi. memastikan Prosedur Kerja Selamat Pencegahan Covid-19 di Tempat Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) dipatuhi;
- vii. memastikan pekerja memakai pelitup muka pada setiap masa; dan
- viii. mematuhi prosedur pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh KKM atau MKN yang dikeluarkan dari masa ke masa.

FAQs: 8-6-2021

2. **Sekiranya majikan tidak mematuhi kapasiti kehadiran pekerja yang ditetapkan dalam perenggan 1, apakah tindakan yang boleh dibuat oleh pekerja?**

Membuat aduan ke JTK berhampiran / Balai Polis berhampiran / Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan.

3. **Di bawah Perintah Penutupan Penuh Sektor Sosial dan Ekonomi (*Total Lockdown*) ini, adakah majikan berkewajipan membayar gaji pekerja sepanjang tempoh PKP?**

Ya, majikan wajib membayar gaji penuh. Pekerja bergaji harian perlulah dibayar mengikut kadar upahan yang telah dipersetujui di antara majikan dan pekerja di dalam surat tawaran/kontrak perkhidmatan/surat kenaikan gaji terkini. Untuk pekerja yang mana upahnya tidak tetap maka kadar hariannya hendaklah tidak kurang daripada kadar gaji minimum seperti dalam Perintah Gaji Minimum 2020.

4. **Di bawah Perintah Penutupan Penuh Sektor Sosial dan Ekonomi / (*Total Lockdown*) ini, adakah majikan berkewajipan membayar gaji pekerja yang dikuarantin akibat COVID-19?**

Ya, majikan wajib membayar gaji cuti sakit atau cuti sakit hospitalisasi bagi:

- (i) Pekerja yang diarahkan kuarantin oleh Pengamal Perubatan Kesihatan Kerajaan/Swasta; atau
- (ii) Pekerja yang diarahkan kuarantin sendiri oleh majikan.

5. **Sekiranya majikan enggan bayar gaji dalam tempoh tersebut, apakah tindakan yang boleh saya lakukan?**

Pekerja boleh mengemukakan aduan melalui cara berikut:

- (i) melalui aplikasi "*Working for Workers (WFW)*"; atau
- (ii) melalui telefon ke JTK Negeri yang berhampiran; atau
- (iii) melalui emel rasmi Jabatan Tenaga Kerja (JTK) jtksm@mohr.gov.my;

Sila kemukakan maklumat lengkap berkenaan aduan tersebut untuk memudahkan pengurusan aduan oleh pihak JTK.

FAQs: 8-6-2021

- 6. Sekiranya pekerja di luar skop Akta Kerja 1955 / Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) / Ordinan Buruh (Sarawak Bab 76), adakah majikan perlu membayar gaji pekerja untuk tempoh tersebut?**

Ya, majikan wajib membayar upah / gaji kerana perkara ini telah termaktub dalam kontrak perkhidmatan yang dipersetujui antara majikan dan pekerja.

- 7. Adakah majikan boleh memaksa pekerja menggunakan cuti tahunan atau cuti tanpa gaji pekerja sepanjang tempoh tersebut?**

Tidak boleh kerana perintah telah dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

- 8. Bolehkah pekerja memohon daripada majikan untuk bekerja dari rumah?**

Boleh, bagi pekerjaan yang bersesuaian tertakluk kepada kelulusan majikan berdasarkan kepada kapasiti yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

- 9. Perlukah majikan membayar gaji beserta elaun kepada pekerja yang bekerja dari rumah?**

Ya, secara asasnya, gaji pekerja mesti dibayar. Walaubagaimanapun, bagi elaun, ia adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan yang diperuntukkan di bawah kontrak perkhidmatan.

- 10. Bolehkah pekerja daripada sektor bukan perkhidmatan perlu hadir ke pejabat bagi urusan pembayaran gaji pekerja ?**

Boleh dengan syarat-syarat berikut:

- i. Pekerja perlu memohon kebenaran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).
- ii. Surat pengesahan daripada majikan perlu dikemukakan semasa membuat permohonan kepada PDRM
- iii. Kebenaran yang diberikan oleh PDRM adalah secara *one off* bagi tempoh 2-3 hari sahaja.

FAQs: 8-6-2021

11. Jika majikan ingkar Perintah Penutupan Penuh Sektor Sosial dan Ekonomi / (*Total Lockdown*) ini, adakah ia satu kesalahan?

Ya, ia adalah satu kesalahan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*].

12. Sebarang pertanyaan berhubung isu-isu ini bolehlah hubungi:

Mana-mana Jabatan Tenaga Kerja seperti di pautan berikut [Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia \(JTKSM\) - Negeri \(mohr.gov.my\)](#)

Catatan :

FAQ ini adalah panduan sepanjang tempoh Perintah Penutupan Penuh Sektor Sosial dan Ekonomi (*Total Lockdown*) berkuatkuasa dan tertakluk kepada perubahan dan pengubahsuaian yang diumumkan oleh Kerajaan dari masa ke masa.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

08 Jun 2021